

## **BERITA AM**

### **PAM lancar buku untuk pulihara Bangunan Warisan**

Tarikh kemaskini: 02/04/2018

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) hari ini melancarkan buku bertajuk 'Kuala Lumpur Architecture Festival: The Merdeka Interviews' dalam usaha mereka memulihara bangunan warisan untuk generasi akan datang.

Presidennya Ezumi Harzani Ismail berkata buku itu menampilkan penyelidikan dan temu bual yang dilakukan dalam tempoh sedekad dengan 17 arkitek, jurutera dan artis terkemuka mengenai projek bangunan kota raya bersejarah di Kuala Lumpur.

"Buku setebal 668 muka surat itu mengetengahkan lapan projek termasuk Stadium Negara, Muzium Negara, Bangunan Parlimen, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Masjid Negara.

"Ia juga merakamkan kisah-kisah wanita dan lelaki yang menyumbang kepada pembangunan Malaysia," katanya dalam ucapan alu-aluan pada pelancaran buku itu, di sini.

Turut hadir penaung diraja KLAF 2018 Tengku Zatashah Sultan Shafaruddin Idris Shah dan Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Mhd Amin Nordin Abd Aziz.

Ezumi berkata buku itu merupakan hasil kerjasama antara sejarawan seni bina Dr Lai Chee Kien dan Pengarah KLAF 2018 Ang Chee Cheong.

"Kita harus sedar pemuliharaan bangunan bersejarah merupakan tugas berat bagi kita kerana selaku arkitek kita juga memainkan peranan penting dalam memupuk identiti dan rasa bangga dalam kalangan orang muda kita.

"Saya harap buku ini akan menandakan permulaan untuk penerbitan buku seni bina lain yang akan merekodkan bukan sahaja tahun-tahun awal kemerdekaan tetapi juga perkembangan bangunan dan negara kita," katanya.

Sementara itu, Tengku Zatashah berkata selain menimbulkan kesedaran dalam pemuliharaan bangunan bersejarah, buku tersebut juga mengiktiraf peranan wanita biasa di barisan depan pembinaan negara.

"Wanita-wanita kongsi yang bekerja keras di padang berlumpur bagi membina bangunan ikonik untuk kita juga ditampilkan di dalam buku ini, tentang semangat dan dedikasi mereka bekerja dengan tangan, gandar dan baldi bagi mengangkut bahan-bahan binaan," katanya.

Mereka yang berminat untuk membeli buku itu boleh melawat kedai dalam talian PAM di <http://www.PAMonlinestore.com> yang beroperasi bermula 6 April ini.

Harga bagi naskhah kulit tebal ialah RM220 dan kulit biasa RM150.

-- BERNAMA <http://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1450411>